

01 NOV 2003
BSKL-MINGGUAN/I
BSKL DIJANGKA "BEREHAT"

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dijangka "berehat" minggu depan selepas peningkatan rancak yang menyaksikan Indeks Komposit (IK) menguji paras rintangan terdekat 820 mata.

Peniaga berkata minggu ini "memenangkan" ketika negara mengalami peralihan kepimpinan dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengangkat sumpah sebagai perdana menteri kelima menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad yang bersara setelah berkhidmat selama 22 tahun.

Di tengah-tengah perkembangan korporat yang menggalakkan dan penyenaaran saham baru yang mengagumkan, fundamental pasaran akan terus kukuh di bawah kepimpinan Abdullah, katanya.

Tinjauan ekonomi negara juga lebih baik, tambahnya.

Minggu ini, IK yang mengukur pergerakan 100 saham berkualiti melonjak 12.69 mata kepada 817.12 selepas mencatat paras tertinggi 818.57 pada 3.18 petang Jumaat.

Petunjuk aras pasaran itu kekal di atas paras psikologi 800 mata sepanjang minggu dengan kira-kira satu bilion saham diniagakan sehari.

Indeks Emas meningkat 3.20 mata kepada 202.43, Indeks Papan Kedua meningkat 8.95 mata kepada 144.65, Indeks Perusahaan meningkat 31.15 mata kepada 1,788.85 dan Indeks Mesdaq meningkat 3.84 mata kepada 157.41.

Minggu ini turut menyaksikan jangkaan ekonomi akan berkembang lebih pesat daripada 4.5 peratus yang diunjurkan untuk 2003. Turut dilaporkan keputusan-keputusan kewangan yang lebih baik yang diumumkan oleh Public Bank, British American Tobacco dan Tenaga Nasional.

Rangsangan mudah tunai juga berlaku apabila Astro, yang membuat tawaran saham terbesar Asia tahun ini, disenaraikan di Papan Utama. Astro akan dimasukkan ke dalam karung indeks MSCI berkuatkuasa 12 Nov. ini.

Astro disenaraikan pada Rabu dengan premium RM1.05 berbanding harga tawaran RM3.65.

Kaunter-kaunter baru lain -- Johore Tin mencatat premium RM1.17 berbanding harga tawaran RM1.35, LFE Corporation mencatat premium 90 sen berbanding harga tawaran RM1.70 dan Equine Capital mencatat premiumf 48 sen berbanding harga tawaran RM1.00.

Sementara itu, jumlah dagangan Papan Utama bertambah kepada 3.666 bilion saham bernilai RM6.586 bilion daripada 2.248 bilion saham bernilai 4.326 bilion minggu lepas.

Jumlah dagangan Papan Kedua bertambah kepada 1.205 bilion saham bernilai RM2.209 bilion daripada 553.025 juta saham bernilai RM989.918 juta.

Jumlah dagangan Pasaran Mesdaq bertambah kepada 138.843 juta saham bernilai RM131.029 juta daripada 82.948 juta saham bernilai RM69.823 juta.

Jumlah dagangan luar pasaran bertambah kepada 319.275 juta saham bernilai RM643.984 juta daripada 283.194 juta saham bernilai RM454.039 juta.

Sepuluh saham paling cergas minggu ini -- Astro menyaksikan 134.136 juta saham diniagakan, Tanamas 122.667 juta saham, Equine 117.554 juta saham, Media Prima 106.546 juta saham AWC 100.437 juta saham, FBO 85.017 juta saham, Avenue 79.070 juta saham, PMI-waran 72.481 juta saham, Kai Peng 69.616 juta saham and Pantai 63.300 juta saham.

Pada Jumaat, Astro kekal pada RM4.72, Tanamas naik 34 sen kepada RM4.68, Equine Capital susut sesen kepada RM1.66, Media Prima susut sembilan sen kepada RM1.61, AWC naik 26 sen kepada RM1.68, FBO naik enam

sen kepada 62 sen, Avenue susut dua sen kepada 86 sen, PMI-waran susut sesen kepada 5.0 sen, Kai Peng susut 13 sen kepada RM1.24 dan Pantai susut tiga sen kepada 99 sen.

Mengikut sektor, barangan pengguna menyumbang 120.239 juta saham diniagakan di Papan Utama, barangan perusahaan 401.918 juta, pembinaan 239.780 juta, perdagangan/perkhidmatan 1.076 bilion, teknologi 15.433 juta, prasarana 45.238 juta, kewangan 388.812 juta, perhotelan 46.774 juta, hartanah 673.201 juta, perladangan 95.898 juta, perlombongan 2.025 juta, amanah 573,500, dana tertutup 1.787 juta, syarikat PN4 10.177 juta, pinjaman 48.223 juta, TSR/waran 498.700 juta dan terbitan hak 301,390. --

BERNAMA

SHO FR JR